

BAB 3 : METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pendahuluan.

Dalam sesebuah kajian atau penyelidikan yang dijalankan, ianya memerlukan metod atau kaedah dalam mendapatkan data atau dapatan kajian. Dengan data yang mencukupi, barulah sesebuah kajian itu dapat dijalankan dengan baik.

Untuk mendapatkan data yang baik ini, kaedah penyelidikan kajian tersebut haruslah sempurna dan mengikut prosudernya yang tersendiri. Ia bagi menjamin dapatan kajian yang dihasilkan nanti benar-benar terjamin mutunya. Seseorang penyelidik yang cermat mesti memastikan metod ataupun kaedah yang digunakan dalam mendapatkan data, sesuai dengan jenis penyelidikan yang dijalankan.

Menurut Ruhizan Mohammad Yasin et.al (2010), data yang baik diperolehi daripada penyelidikan yang dirancang rapi berdasarkan reka bentuk yang bersesuaian, iaitu pendekatan yang digunakan dalam proses mendapatkan data penyelidikan.

Pendekatan penyelidikan yang bersesuaian, yakni sama ada pendekatan kuantitatif atau pendekatan kualitatif ditentukan oleh persoalan atau objektif penyelidikan. Sebagai contoh, jika penyelidik ingin memperihalkan kekerapan pelajar dari kalangan masyarakat asli ponteng sekolah, reka bentuk penyelidikan yang pasling sesuai ialah penyelidikan tinjauan. Manakala jika penyelidik ingin mengkaji

pendekatan pengajaran yang berkesan untuk kumpulan pelajar yang sama, maka pendekatan penyelidikan eksperimen adalah yang paling sesuai.

Menurutnya lagi, dalam membincangkan reka bentuk kajian, penyelidik juga harus membincangkan pemboleh ubah-pemboleh ubah penyelidikan yang terlibat dan bagaimana pemboleh ubah-pemboleh ubah berkenaan akan diukur, disamping membincangkan populasi dan teknik persampelan yang terlibat dalam mengenal pasti responden penyelidikan.

Perancangan penyelidikan juga perlu melibatkan pendekatan penganalisan data yang akan digunakan. Sekiranya pendekatan penyelidikan menjurus kepada pendekatan kuantitatif, maka penyelidik perlu membincangkan teknik statistik yang paling sesuai digunakan. Manakala jika pendekatan kualitatif menjadi fokus, maka kaedah seperti analisis tema perlu dibincangkan.

3.2 Reka bentuk kajian

Kajian yang dibina oleh penyelidik ini, merupakan kajian yang bersifat deskriptif, atau merupakan kajian yang dibuat berdasarkan gambaran yang telah sedia ada. Ia juga dikategorikan sebagai kajian yang berbentuk percampuran kuantitatif dan kualitatif. Denzin dan Lincoln (1994) berpendapat bahawa penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaian kaedah secara terfokus, termasuk menggunakan pendekatan naturalistik (semula jadi) untuk menyelidik sesuatu subjek. Cresswell (1994) pula

mentakrifkan bahawa penyelidikan kualitatif sebagai proses inkuiri ke arah pemahaman yang didasari kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial.

Reka bentuk kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini adalah lebih menjurus kepada cara serta bagaimana untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan kajian yang telah ditimbulkan. Ia juga merupakan metod untuk mendapatkan objektif-objektif kajian yang cuba dicapai oleh penyelidik. Objektif-objektif kajian tersebut ialah ;

- a) Mengkaji peranan teknik *muhawah* dalam pengajaran guru.
- b) Mengkaji peranan teknik *muhawarah* dalam pembelajaran murid-murid.
- c) Mengkaji hasil pembelajaran murid-murid daripada teknik *muhawarah*.

Justeru, bagi mencapai objektif ini, penyelidik sedaya upaya cuba untuk membuat dan mengadakan kaedah serta cara untuk merealisasikan tujuan tersebut. Pada peringkat permulaan, penyelidik melakukan kajian-kajian dan tinjauan-tinjauan terhadap beberapa penyelidikan-penyelidikan yang telah dihasilkan sebelum ini. Ia bagi mengelakkan berlakunya pertindihan tajuk antara penyelidikan yang lain dengan penyelidikan yang dijalankan ini.

Setelah memastikan tiadanya pertindihan tajuk, seterusnya penyelidik membuat tinjauan ke beberapa buah sekolah yang terdapat di sekitar bandar Klang. Hal ini kerana,

penyelidik ingin mencari sekolah yang boleh dijadikan sebagai sampel kajian yang sesuai bagi penyelidikan ini.

Begitu juga dengan guru-guru dan murid-murid yang dijadikan sebagai responden kajian. Penyelidik hanya mengkategorikan guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab, serta murid-murid tahun enam yang mengambil mata pelajaran ini sahaja yang dijadikan sebagai responden kajian. Ia juga dijadikan sebagai batasan serta sempadan kajian oleh penyelidik.

Setelah sampel kajian dan responden diperolehi, seterusnya penyelidik membina beberapa instrumen kajian seperti soalan-soalan serta borang soal selidik bagi mendapatkan data dan maklumat daripada responden.

Borang-borang serta soalan kaji selidik ini pula penyelidik membahagikannya kepada beberapa bahagian, iaitu;

- a) Borang soal selidik guru-guru yang mengajar subjek bahasa Arab
- b) Borang soal selidik murid-murid tahun enam yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah yang telah dikenal pasti.

Setelah pelbagai maklumat dan data-data diperolehi daripada soal selidik yang telah dijalankan, semua data-data ini diproses dan dianalisa dengan lebih mendalam bagi mengenerelisasikannya. Kemudian, data-data yang telah diproses ini, dimasukkan ke dalam kajian penyelidik, sebagai dapatan kajian.

3.3 Lokasi Kajian

Selepas melakukan beberapa tinjauan di beberapa buah sekolah di sekitar daerah Klang, penyelidik telah menetapkan tiga buah sekolah rendah kebangsaan untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Penyelidik beranggapan tiga buah sekolah ini telah mewakili populasi bagi penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik.

Pelbagai maklumat dan sumber-sumber telah dapat dicari oleh penyelidik bagi memastikan ia bersesuaian dengan kehendak penyelidikan yang dijalankan ini. Justeru tiga buah sekolah rendah kebangsaan telah dipilih sebagai bahan kajian, iaitu;

- a) Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah
- b) Sekolah Kebangsaan Meru
- c) Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama

Lokasi kajian di tiga buah sekolah ini adalah di Bandar Di Raja Klang. Ia merupakan sekolah-sekolah yang ditadbir sepenuhnya oleh pihak kerajaan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Dua buah sekolah, iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama merupakan sekolah yang terletak di pinggir bandar. Manakala Sekolah Kebangsaan Meru pula adalah sekolah luar bandar.

Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama merupakan sekolah yang dibina di tengah-tengah taman perumahan

penduduk. Ianya adalah sekolah yang menjadi tumpuan penduduk yang menetap dikawasan taman perumahan Sungai Kapar Indah dan Taman Klang Utama menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan pendidikan.

Manakala Sekolah Kebangsaan Meru pula adalah sekolah yang terletak di luar bandar Klang. Ianya terletak dua kilometer dari pekan Meru dan merupakan sekolah yang dibina di tepi Jalan Iskandar yang menghubungkan pekan Meru dan pekan Kapar. Murid-murid yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Meru ini merupakan anak-anak penduduk kampung yang tinggal berdekatan dengan sekolah ini.

3.4 Instumen Kajian

Menurut Noraini Idris (2010), semua penyelidikan melibatkan pungutan data. Data merujuk kepada maklumat yang diperoleh penyelidik tentang subjek penyelidikan atau kajian. Contoh data ialah maklumat demografi seperti umur, jantina, etnik dan agama; skor bagi ujian yang dibina oleh penyelidik; respon kepada soalan penyelidik, sama ada melalui temu bual atau jawapan bertulis dalam borang soal selidik. Alat-alatan seperti ujian pensil dan kertas, borang soal selidik atau skala perkadaran yang digunakan untuk mengumpul data pula dinamakan sebagai instrumen.

Kebanyakan penyelidikan menggunakan instrumen, sama ada instrumen yang dibentuk oleh penerbit, direka sendiri oleh penyelidik, atau instrumen piawai. Secara keseluruhan, semua proses penyediaan untuk mengumpul data dipanggil instrumentasi.

Instrumentasi melibatkan pemilihan dan mereka bentuk instrumen dan juga prosedur serta kondisi sewaktu instrumen ditadbir.

Sesuatu instrumen boleh dipercayai jika instrumen berkenaan memberi dapatan yang konsisten setiap kali pengukuran dibuat. Jika seseorang penyelidik atau pengkaji menggunakan instrumen yang sama untuk mengesan pencapaian sekumpulan pelajar yang sama pada dua waktu yang berbeza, dapatan mestilah hampir sama. Konsistensi ini akan membuatkan seseorang penyelidik yakin bahawa dapatannya mewakili pencapaian pelajar yang diuji.

Objektiviti instrumen ialah satu lagi elemen yang harus diambil kira. Objektiviti bermakna tiada elemen subjektif dalam penggunaan instrumen itu. Setakat yang boleh, seseorang penyelidik perlu menghilangkan subjektiviti daripada keputusan yang dibuat berasaskan instrumen yang digunakan. Walau bagaimanapun, agak sukar untuk mendapat objektiviti mutlak dalam penggunaan sesuatu instrumen.

Dalam melaksana dan menjalankan kajian menggunakan instrumen ini, penyelidik menggunakan beberapa kaedah sebagai instrumen kajian. Antaranya ialah;

a) Kajian perpustakaan

Semasa menjalankan kajian ini, penyelidik telah menggunakan sumber-sumber daripada bahan-bahan bercetak dan juga bahan-bahan elektronik seperti buku-buku rujukan dan juga sumber-sumber daripada internet.

Banyak kajian daripada buku-buku yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini telah diselidiki oleh penyelidik. Ini bagi mendapatkan lebih banyak sumber informasi dan juga maklumat-maklumat tambahan yang boleh dijadikan sebagai bahan input bagi menyempurnakan kajian ini.

Bagi tujuan ini, penyelidik telah mendapatkan sumber-sumber rujukan bercetak seperti buku-buku rujukan dan kajian-kajian lepas di beberapa buah perpustakaan, seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Fakulti Bahasa Universiti Malaya.

Penyelidik telah menggunakan akses sebagai pelajar di universiti ini untuk menggunakan secara optimum kemudahan yang ditawarkan oleh perpustakaan ini untuk meminjam dan juga menggunakan bahan-bahan rujukan untuk kajian oleh penyelidik. Selain daripada itu, rujukan-rujukan bercetak yang dibekalkan oleh sekolah-sekolah yang dijadikan sampel kajian oleh penyelidik juga dijadikan sebagai sumber rujukan oleh penyelidik dalam membina kajian ini.

b) Temu bual.

Instrumen kajian yang menggunakan kaedah temu bual merupakan satu kaedah yang boleh dikatakan penting dan mempunyai kesahan yang tinggi. Ini kerana, penyelidik dapat memperoleh informasi dan maklumat terus daripada responden kajian.

Justeru, dalam penyelidikan yang dilakukan ini, kaedah temu bual menjadi antara kaedah yang digunakan oleh penyelidik sebagai cara untuk mendapatkan data dan maklumat daripada responden kajian. Temubual yang dijalankan adalah berkenaan latar belakang responden dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan. Sebelum penyelidik bertemu dengan responden kajian, iaitu yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab dan murid-murid tahun enam di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama, penyelidik terlebih dahulu menyediakan soalan-soalan yang akan digunakan semasa sesi temu bual.

Hal ini bagi memastikan soalan-soalan yang ingin diajukan dapat dijawab oleh responden kajian semasa sesi temu bual ini. Selain daripada itu, maklumat-maklumat yang diinginkan oleh penyelidik dapat diperolehi melalui soalan-soalan yang disediakan oleh penyelidik dalam sesi temu bual ini. Seterusnya maklumat-maklumat ini dijadikan data untuk dimasukkan ke dalam kajian oleh penyelidik ini.

Pada hakikatnya, instrumen ini (temu bual) mempunyai kelebihan yang tersendiri. Antaranya ialah, kaedah ini membenarkan penyelidik memberi penjelasan jika terdapat soalan yang kabur. Selain daripada itu, responden juga dapat memberi keterangan lanjut kepada soalan-soalan yang penting.

Batasan masa pula tidak menjadi masalah dalam sesi temu bual ini. Ia kerana, penyelidik mahupun responden mempunyai ruang masa yang cukup luas untuk memberikan sebarang pendapat ataupun kenyataan. Selain kaedah yang dilihat agak

santai ini, secara tidak langsung, ianya dapat mempereratkan hubungan antara penyelidik dan responden kajian dalam memperoleh sebanyak mungkin maklumat yang dikehendaki.

Manakala kekurangannya pula ialah, temu bual memakan lebih banyak masa berbanding kaedah-kaedah yang lain. Tambahan pula, kehadiran penyelidik mungkin menghalang responden daripada meluahkan pendapat yang sebenar. Walaupun demikian pendekatan santai dapat mengatasinya dan kaedah ini sebenarnya banyak membantu penyelidik dalam mendapatkan informasi-informasi yang dikehendaki untuk mengenerelisasikan data yang diperolehi.

c) Pemerhatian.

Selain daripada kaedah temu bual, penyelidik juga menggunakan kaedah pemerhatian dalam mendapatkan maklumat-maklumat serta sumber-sumber informasi. Untuk mendapatkan maklumat-maklumat ini, penyelidik memerhatikan gerak kerja dan tingkah laku yang dilakukan oleh guru-guru bahasa Arab dan juga murid-murid tahun enam yang mempelajari bahasa Arab ini.

Dalam kaedah ini, pemerhatian dilakukan terhadap proses pengajaran yang dilakukan oleh guru-guru bahasa Arab di tiga buah sekolah tersebut. Penyelidik akan mencatatkan segala apa yang dilakukan oleh guru sama ada cara guru mengajar, sesi soal jawab, dan juga latihan-latihan yang diberikan oleh guru-guru ini kepada murid-murid mereka.

Begitu juga hal keadaan murid-murid ini. Segala aktiviti pembelajaran oleh murid-murid akan diperhatikan oleh penyelidik, seterusnya akan dicatat oleh penyelidik sebagai input informasi bagi kajian ini. Antara catatan aktiviti yang dibuat melalui pemerhatian ini ialah, berkenaan aktiviti *muhawarah* yang dilaksanakan oleh murid-murid. Selain daripada itu, cara murid-murid menjawab segala persoalan yang diajukan oleh guru-guru kepada mereka juga dijadikan catatan oleh penyelidik bagi tujuan pungutan data.

Antara kelebihan yang boleh didapati melalui kaedah ini, penyelidik dapat melihat tingkah laku dan juga aktiviti guru-guru dan murid-murid secara semula jadi dan tanpa paksaan oleh mana-mana pihak. Hal ini menyebabkan data-data yang diperolehi ini didapati secara semula jadi dan natural.

Walaupun demikian, antara kelemahan daripada kaedah ini ialah, kadangkala senarai pemerhatian memaksa penyelidik untuk memerhati terlalu banyak perlakuan sehinggakan ia tidak dapat melakukannya dengan tepat, atau memaksa penyelidik menilai terlalu ramai responden pada satu-satu masa. Oleh itu, pemerhatian ini perlu dibuat secara ringkas supaya ianya boleh dilakukan dengan sempurna.

d) Soal selidik

Dalam mendapatkan data kajian, selain daripada kaedah pemerhatian dan temu bual, penyelidik juga menggunakan kaedah soal selidik bagi tujuan ini. Dalam kaedah ini, penyelidik menyediakan beberapa soalan yang diajukan kepada guru-guru mata

pelajaran bahasa Arab dan juga murid-murid tahun enam yang mengambil mata pelajaran ini untuk dijawab oleh mereka.

Metod ini dirangka bagi membolehkan mereka menjawab soalan-soalan yang disediakan oleh penyelidik. Ini bagi memastikan persoalan kajian yang dikemukakan dapat dijawab secara sukarela oleh responden kajian tanpa ada pengaruh daripada pihak lain.

Bagi membina item-item soal selidik ini, penyelidik telah menyediakan dua jenis borang untuk diagihkan kepada dua kumpulan responden kajian yang berbeza, iaitu ;

- a) Kumpulan pertama : Guru-guru yang mengajar subjek bahasa Arab
- b) Kumpulan kedua : Murid-murid tahun enam yang mengambil subjek bahasa Arab di SK Sungai Kapar Indah, SK Meru dan SK Taman Klang Utama.

Borang soal selidik yang diagihkan kepada kumpulan pertama, iaitu kumpulan guru-guru bahasa Arab, mempunyai beberapa item yang perlu diisi oleh mereka, antaranya ialah ;

- a- Biodata diri
- b- Tahap pelajaran
- c- Pengalaman mengajar
- d- Metodologi / kaedah pengajaran yang digunakan

e- Permasalahan yang dihadapi semasa mengajar

Manakala borang soal selidik yang diagihkan untuk murid-murid terdiri daripada beberapa item soalan, iaitu ;

- a- Pendapat berkenaan mata pelajaran bahasa Arab
- b- Pendapat berkenaan kesukaran mempelajari bahasa Arab
- c- Pendapat berkenaan metod pembelajaran yang digemari oleh mereka
- d- Pendapat berkenaan kaedah *muhawarah* dalam pembelajaran bahasa Arab

Kesemua soalan-soalan ini dibina dalam dua bentuk, iaitu bentuk skala likert, dan dalam bentuk subjektif. Untuk jawapan yang berbentuk skala ini, penyelidik telah menyediakan soalan-soalan yang berkaitan dengan kajian ini, yang mana jawapan yang diberikan oleh responden, hendaklah diisi dalam bentuk skala. Skala ini pula terdiri daripada angka 1 sehingga 5, yang mana angka 1 ini mewakili jawapan yang paling minima, manakala angka 5 mewakili jawapan yang paling maksima.

Melalui jawapan yang diberikan secara subjektif pula, pihak responden, samada guru mahupun murid-murid, diperlukan memberikan pendapat dan cadangan mereka dalam bentuk tulisan, didalam ruangan yang disediakan dalam borang soal selidik tersebut.

Perkara ini adalah bagi memberikan mereka ruang dan peluang untuk meluahkan pendapat dan cadangan-cadangan mereka berkaitan pengajaran dan

pembelajaran bahasa Arab, khususnya yang berkaitan kaedah *muhawarah* yang menjadi subjek kajian oleh penyelidik ini.

Menurut penyelidik, kaedah soal selidik ini mempunyai kelebihan-kelebihannya yang tersendiri. Antaranya ialah, instrumen ini boleh dihantar melalui perkhidmatan pos atau perkhidmatan kiriman cepat (*courier service*) kepada ramai responden pada masa yang sama.

Walaupun demikian, masalah yang mungkin timbul ialah, penyelidik tidak berpeluang untuk menjelaskan soalan yang kabur atau tidak jelas kepada responden, melainkan jika penyelidik berada di tempat soal selidik dijalankan.

Manakala responden pula tidak berpeluang untuk menyatakan pendapatnya secara lisan kepada penyelidik untuk jawapan yang diberikan. Maka di atas sebab itulah, dalam borang soal selidik yang disediakan, penyelidik menyediakan ruangan untuk responden memberikan cadangan atau pendapat mereka secara subjektif.

Sungguhpun demikian, kaedah menggunakan borang soal selidik ini hakikatnya memberikan banyak manfaat dan kebaikan kepada penyelidik sendiri. Dengan adanya skala yang diberikan, penyelidik dapat mengukur tahap manakah jawapan yang diberikan oleh responden. Begitu juga dengan ruangan jawapan berbentuk subjektif, penyelidik dapat menilai seterusnya mempertimbangkan pendapat-pendapat responden untuk digenerelisasikan sebagai data atau dapatan kajian.

3.5 Sampel Kajian

Sampel dalam penyelidikan ialah kumpulan yang menjadi sumber informasi yang diperlukan. Dalam memilih sampel kajian bagi penyelidikan ini, penyelidik telah menjalankan beberapa kaji selidik dan kajian rentas bagi mendapatkan lebih maklumat sebelum memilih sampel kajian. Ini bagi memastikan sampel kajian yang dipilih oleh penyelidik dapat memberikan maklumat-maklumat yang penting serta berguna sebagai dapatan kajian bagi penyelidikan ini.

Sebelum memulakan tugas, penyelidik telah berbincang dengan pensyarah pembimbing untuk mendapatkan pandangan serta tunjuk ajar daripada beliau berkenaan pemilihan sampel kajian ini. Daripada pandangan beliau inilah, menjadi titik tolak dalam pemilihan sampel kajian dan juga responden kajian oleh penyelidik. Terdapat beberapa sampel kajian yang telah dipilih oleh penyelidik dalam menyempurnakan kajian ini. Ianya adalah ;

- i) Guru-guru mata pelajaran bahasa Arab.
- ii) Murid-murid tahun enam yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab.

a) Guru-guru mata pelajaran bahasa Arab.

Sebagai sampel kajian yang pertama, penyelidik telah memilih guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab untuk dijadikan sebagai sampel kajian. Guru-guru ini merupakan guru yang mempunyai opsyen bahasa Arab sebagai subjek utama

mereka. Mereka juga adalah guru-guru bahasa Arab daripada tiga buah sekolah yang dipilih oleh penyelidik, iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama.

Sebelum tinjauan dilakukan ke atas metod pengajaran guru-guru bahasa Arab ini, penyelidik terlebih dahulu memohon kebenaran daripada pentadbiran ketiga-tiga buah sekolah ini bagi menjalankan kajian di sana. Penyelidik juga sebelum itu telah pun memohon kebenaran daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, melalui Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan. Selain daripada itu, kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri Selangor, melalui Unit Pendaftaran juga turut diperolehi oleh penyelidik dalam mendapatkan kelulusan menjalankan kajian ini.

Setelah prosedur-prosedur ini dilalui, barulah penyelidik merancang dan membuat temujanji bersama guru-guru bahasa Arab di tiga buah sekolah ini untuk melakukan tinjauan dan pemerhatian terhadap aktiviti pengajaran mereka. Di sini, beberapa etika penyelidikan turut dipatuhi oleh penyelidik bagi memastikan ianya berjalan lancar.

Menurut Shireena Basree et.al (2010), salah satu faktor yang membezakan penyelidikan yang baik daripada penyelidikan yang kurang baik ialah proses perancangan yang terperinci. Perancangan terperinci penting untuk mengurangkan risiko kesilapan yang mungkin berlaku semasa penyelidikan dijalankan.

Maka oleh sebab itulah penyelidik membuat perancangan terlebih dahulu dengan mengadakan temujanji dengan guru-guru subjek bahasa Arab ini, seterusnya memaklumkan kepada mereka apa yang akan penyelidik lakukan ketika tinjauan dilakukan ke atas aktiviti pengajaran mereka. Antara perkara-perkara yang dimaklumkan oleh penyelidik kepada guru-guru ini ialah adanya borang-borang yang akan diedarkan kepada mereka yang berbentuk soal jawab serta pandangan, yang mana soalan-soalan di dalam borang ini perlu dijawab oleh mereka. Penyelidik juga memaklumkan kepada mereka bahawa maklumat diri serta identiti mereka adalah dirahsiakan dan sulit bagi mengikuti kehendak etika penyelidikan.

b) Murid-murid tahun enam yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab

Selain daripada guru-guru yang mengajar bahasa Arab di sekolah-sekolah ini, penyelidik juga menjadikan murid-murid tahun enam di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab di bawah program j-QAF sebagai sampel kajian oleh penyelidik.

Seperti mana prosedur yang dilakukan oleh penyelidik kepada guru-guru bahasa Arab, begitu juga prosedur yang sama dilakukan oleh penyelidik terhadap murid-murid tahun enam ini. Sebagai makluman, hanya murid-murid tahun enam yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab sahaja yang menjadi sampel kajian penyelidik. Manakala

murid-murid yang selain daripada tahun enam, dan yang tidak mengambil mata pelajaran bahasa Arab, adalah bukan di dalam lingkungan kajian penyelidik.

Semasa tinjauan dilakukan, penyelidik memaklumkan kepada murid-murid ini bahawa kajian ini dijalankan adalah untuk melihat aktiviti pembelajaran mereka di dalam mata pelajaran bahasa Arab. Penyelidik juga memberitahu kepada murid-murid ini bahawa kajian ini diadakan adalah untuk melihat perkembangan dan efektiviti kaedah *muhawarah* terhadap pembelajaran mereka.

Dalam tinjauan yang dilakukan terhadap murid-murid ini, penyelidik telah memaklumkan kepada mereka bahawa terdapat borang soal selidik yang perlu diisi oleh mereka. Ini bagi memastikan mereka tidak mengalami kejutan semasa aktiviti tinjauan dan pemerhatian dibuat ke atas mereka.

Sepertimana kerahsiaan maklumat peribadi daripada guru-guru bahasa Arab, penyelidik juga menjaga kerahsiaan maklumat peribadi serta pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh murid-murid ini. Ini kerana, penyelidik sebolehnya akur dengan etika penyelidikan bagi menjaga kredibiliti kajian yang dihasilkan ini.

Menurut Robson (2002), sebarang manipulasi data atau maklumat yang digunakan untuk kepentingan penyelidik, merupakan perbuatan yang tidak beretika dan secara langsung mengurangkan kredibiliti penyelidikan yang telah dijalankan. Menurut beliau lagi dalam karyanya "*Real World Research*", tindakan memaksa responden

samada dengan cara eksplisit atau implisit untuk mengambil bahagian dalam penyelidikan juga merupakan satu kesalahan dan melanggar etika penyelidikan.

Maka oleh sebab itulah, penyelidik sebolehnya mengelakkan sebarang bentuk paksaan dalam mendapatkan maklumat daripada sampel kajian ini, iaitu murid-murid tahun enam di tiga buah sekolah tersebut. Ia juga bertujuan menghindarkan penyelidik daripada melakukan perkara-perkara di luar batasan sebuah penyelidikan yang baik mutunya.

3.6 Pengumpulan maklumat dan analisis data.

Dalam mendapatkan data-data serta maklumat-maklumat kajian, penyelidik telah melakukan beberapa perkara yang dirasakan penting bagi tujuan ini. Antaranya ialah, penyelidik membuat kajian-kajian rintis seperti melakukan kajian terhadap penyelidikan-penyelidikan lepas. Untuk tujuan ini, penyelidik telah menggunakan perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan oleh institusi pendidikan tempat penyelidik belajar, iaitu Universiti Malaya. Di sini, penyelidik telah berkunjung ke dua buah perpustakaan yang disediakan, iaitu Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik untuk menjalankan kajian-kajian lepas.

Selain daripada itu, penyelidik juga menjalankan kajian yang bersumberkan internet dan laman sesawang (*website*) untuk mendapatkan maklumat tambahan. Antara laman sesawang yang dikunjungi penyelidik ialah, laman sesawang milik Kementerian

Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Jabatan Pelajaran Selangor, Islam Online dan beberapa lagi laman sesawang. Daripada maklumat-maklumat media cetak serta elektronik inilah penyelidik mengadunnya, seterusnya dijadikan data untuk dimasukkan ke dalam kajian penyelidik ini.

Dalam pada itu juga, penyelidik menjadikan sampel kajian sebagai responden untuk mendapatkan seberapa maklumat yang dikehendaki oleh penyelidik. Seperti mana yang penyelidik maklumkan sebelum ini, sebelum penyelidik mendapatkan maklumat secara terperinci oleh responden kajian, penyelidik terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada pihak-pihak yang mempunyai autoriti, seperti pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dan juga pentadbiran di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama. Setelah kebenaran diperolehi, barulah kajian tinjauan dilakukan terhadap responden kajian. Dalam disertasi "*Pengajaran dan Pembelajaran Muhawarah di Sekolah Rendah Kebangsaan*" ini, responden kajian adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab, dan keduanya ialah murid-murid yang mempelajari subjek Bahasa Arab di tiga buah sekolah yang disebutkan sebentar tadi.

Untuk mendapatkan maklumat daripada sampel kajian ini, penyelidik telah menyediakan beberapa soalan yang berbentuk maklumat peribadi, seperti tahap pendidikan, pengalaman mengajar dan metodologi pembelajaran yang digemari sebagai item-item soalan tersebut. Soalan-soalan ini pula terkandung di dalam borang soal

selidik yang diagih-agihkan kepada responden kajian, iaitu guru-guru dan murid-murid di sekolah-sekolah tersebut.

Dalam mendapatkan semula respon-respon dan maklum balas daripada sampel kajian, penyelidik memberikan ruang masa yang mencukupi kepada mereka untuk mengisi maklumat-maklumat serta melengkapkan butiran-butiran yang seharusnya mereka isi di dalam borang soal selidik. Di sini, penyelidik cuba untuk mengelakkan daripada memberikan tekanan kepada responden kajian dalam mendapatkan maklumat dan data kajian. Penyelidik juga memastikan maklumat yang diperolehi daripada responden kajian adalah *genuin* atau asli. Maka oleh kerana itulah, penyelidik memberikan ruang dan masa yang luas untuk responden mengisikan maklumat-maklumat yang dikehendaki oleh penyelidik.

Setelah maklumat-maklumat didapati hasil daripada jawapan-jawapan dan pendapat-pendapat yang diberikan, langkah seterusnya adalah, mengadunkan ia dan menyusun maklumat-maklumat mentah ini mengikut kategori-kategori yang bersesuaian. Tujuan langkah ini adalah bagi memperlihatkan maklumat-maklumat yang terkandung di dalam kajian ini dalam keadaan yang tersusun kemas dan mengikut topik yang telah ditentukan.

3.7 Penutup

Sesungguhnya sebuah kajian yang baik, adalah hasil daripada metod dan kaedah-kaedah yang baik. Dengan menggunakan beberapa kaedah yang ditentukan, penyelidik berharap kajian ini dapat mengikut standard serta kualitinya yang tersendiri. Metodologi kajian ini juga bertujuan memudahkan penyelidik untuk mendapatkan data-data serta maklumat-maklumat daripada responden-responden kajian. Ianya seumpama petunjuk jalan kepada penyelidik dalam menghasilkan kajian ini.

Dalam pada penyelidik mendapatkan maklumat-maklumat ini juga, penyelidik akur dengan etika-etika penyelidikan yang seharusnya penyelidik patuhi. Ini jelas apabila Fine dan Sandstorm (1988), mengatakan bahawa seseorang penyelidik mestilah menyediakan penerangan yang menyeluruh tentang tujuan penyelidikan, terutama apabila penyelidik tidak mempunyai kuasa penuh terhadap subjek dan responden. Kesemua etika ini adalah bagi menjamin kualiti serta mutu kepada penyelidikan yang dihasilkan.

Selain daripada itu, metodologi kajian ini adalah diharap dapat mencapai objektif serta matlamat kajian yang disasarkan. Ianya bagi melihat sejauhmana keberkesanan kaedah *muhawarah* ini dalam pengajaran guru-guru dan kepada pembelajaran murid-murid. Mudah-mudahan ianya dapat mengembangluaskan kaedah ini kepada masyarakat umum diluar sana, seterusnya dapat meletakkan martabat Bahasa Arab di tempat yang tinggi dalam dunia pendidikan masa kini.